

JABATAN PELAJARAN MELAKA  
JALAN BUKIT BARU,  
PETI SURAT No. 62,  
75150 BUKIT BARU,  
MELAKA

Pejabat Am : 06-2319869  
Fax : 06-2312326  
HEM/Dadah : 06-2319869  
Kokurikulum : 06-2312848  
Fax : 06-2312848  
Sukan : 06-2312845  
Unit Pendidikan Islam : 06-2314497

Rujukan Kami:JPM.SPPK.KOKU.900-3/11( )  
Tarikh : 2 Julai 2010.

Pengetua,  
Sekolah-Sekolah Menengah,  
Negeri Melaka.

Tuan,

**MENGALAKKAN SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI MELAKA  
MENYERTAI PERKHEMAHAN PENGAKAP MELAKA 2010 DI TAMAN NEGERI  
MELAKA, TEBONG, ALOR GAJAH.**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk dan berkaitan

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pelajaran Melaka tiada halangan untuk membenarkan, malah menggalakkan semua sekolah-sekolah menengah negeri Melaka untuk menyertai perkhemahan tersebut pada ketentuan berikut:

**Tarikh : 30Julai 2010 hingga 1 Ogos 2010 (Jumaat - Ahad)**  
**Tempat : Taman Negeri Melaka, Tebong, Alor Gajah, Melaka.**  
**Pendaftaran : 3.00 petang.**  
**Perasmian : YAB Ketua Menteri Melaka.**

3. Walau bagaimana pun pihak tuan perlu mematuhi surat Pekeliling Iktisas Bil.24/1998 (Penglibatan Guru Dan Murid Dalam Aktiviti Pakaian Seragam Agensi Kerajaan Dan Bukan Kerajaan) Kementerian Pelajaran Malaysia memperingatkan semua agensi pelaksana agar mematuhi peraturan sedia ada dan mengambil perhatian terhadap beberapa perkara berkaitan kebajikan, keselamatan guru dan murid seperti berikut:

- 3.1 Mendapatkan kebenaran daripada ibubapa/penjaga murid yang menyertai.
- 3.2 Tidak mengenakan paksaan kepada pelajar-pelajar untuk mengambil bahagian.
- 3.3 Tidak menjejaskan aktiviti pembelajaran murid-murid. Murid-murid PMR dan SPM tidak dibenarkan mengambil bahagian.
- 3.4 Keselamatan dan kebajikan murid-murid hendaklah sentiasa diberi keutamaan.
- 3.5 Murid-murid yang menyertai hendaklah sentiasa di bawah pengawasan guru-guru mereka / pihak-pihak yang dilantik.


3.6 Pastikan guru dan murid tersebut sihat bagi membendung wabak influenza A (H1N1).

4. Bersama ini disertakan panduan dan borang penyertaan perkhemahan untuk perhatian tuan. Kerjasama dan keprihatinan tuan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**( HAJI DAUD BIN ABDULL )**

**Ketua Sektor,**  
Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan,  
b.p Pengarah Pelajaran Melaka.

Sk

1. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Melaka
2. Fail Timbul



**PANDUAN PENYERTAAN  
PERKHEMAHAN PENGAKAP MELAKA  
30 Julai hingga 01 Ogos 2010**

1. Tarikh daftar : 30 Julai 2010 : Jumaat jam 3.00 petang.
2. Tarikh bersurai : 01 Ogos 2010 : Ahad jam 11.30 pagi.
3. Tempat : Taman Negeri Melaka, Tebong, Alor Gajah, Melaka.
4. Makanan : Dibawa dan disediakan sendiri oleh peserta.
5. Penginapan : Khemah ( Dibawa sendiri oleh peserta )
6. Keperluan : Pakaian seragam Pengakap, alatulis, pakaian dan keperluan peribadi, pakaian sukan, pinggan, cawan, , baldi, alatan memasak dll.
7. Kelayakan : Pengakap Muda / Remaja ( Sek. Men. )
8. Penyertaan : Tiada had maksimum.
9. Bayaran : RM 5.00 seorang.
10. Tarikh tutup : **26 Julai 2010**
11. Borang dan bayaran penyertaan hendaklah dihantar ke :

**Ibu pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Melaka,  
674 A, Taman Melaka Raya, Banda Hilir 75000,  
Melaka.**

**Tel. / Fak. : 06 – 2811978  
Email : mlkscout@streamyx.com**